

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, October 15, 2019 8:47 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SIGN MY WAY SUNTIK KESEDARAN KESELAMATAN JALAN RAYA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OKTOBER 2019 / 16 SAFAR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Sign My Way Suntik Kesedaran Keselamatan Jalan Raya



UUM ONLINE: Setiap hari kita dikejutkan dengan kemalangan mengerikan di dada akhbar, kaca televisyen mahupun media sosial yang mengakibatkan cedera parah sehingga kehilangan nyawa.

Melihat statistik kemalangan jalan raya yang semakin membimbangkan di Malaysia, dua penyelidik UUM, Dr. Rohafiz Sabar dan Dr. Nur Khairiel Anuar berjaya mencipta Sign MY Way.

Rohafiz berkata, produk berasaskan penyelidikan itu merupakan produk inovasi untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan menjaga keselamatan di jalan raya serta mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

“Sign MY Way merupakan simulasi pembelajaran berkonsepkan gamifikasi dalam pengurusan keselamatan pengangkutan.

“Produk ini terhasil setelah dua tahun terlibat dengan penyelidikan, advokasi dan kempen keselamatan jalan raya,” ujarnya.

Menurutnya, Sign MY Way berjaya dikomersilkan dengan memberi fokus kepada usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan keselamatan jalan raya bagi kumpulan sasaran seperti pelajar di sekolah rendah, menengah dan universiti.

Jelasnya, Sign MY Way digunakan secara meluas dalam pembelajaran berasaskan perkhidmatan (*service learning*) dan pembelajaran mendalam (*deep learning*) kepada pelajar serta masyarakat di sekitar negeri Kedah khususnya dan akan diperluas ke seluruh Malaysia.

Tambahnya, simulasi yang berbentuk gamifikasi ini dibangunkan sebagai bahan pengajaran interaktif untuk merangsang minat pelajar dan kumpulan sasaran menerusi program keselamatan jalan raya secara bersepadu.

Usaha ini melibatkan kerjasama strategik antara The Centre for Logistics and Transport (CeLT), Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), UUM dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan Majlis Keselamatan Jalan Raya, Kedah, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah (sektor sekolah rendah dan menengah), agensi penguatkuasa (Polis Di Raja Malaysia dan Jabatan Pengangkutan Jalan, Kedah) dan Petron Malaysia.

Sign MY Way memenangi pingat emas pada Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2019 di UTHM, Batu Pahat, Johor, baru-baru ini.

Nur Khairiel teruja produk ini mendapat sambutan menggalakkan daripada para pelajar sekolah khususnya.

“Pelajar sekolah memang suka, mereka seronok bermain dengan kawan-kawan sambil bertanya soalan berkaitan keselamatan jalan raya jadi Sign MY Way bukan sekadar alat permainan malah dapat menimba pengetahuan baru yang cukup bermanfaat,” ujarnya.

Luahnya, Sign MY Way sesuai digunakan untuk pembangunan program keselamatan jalan raya, integrasi antara pembelajaran berasaskan perkhidmatan bagi kumpulan sasaran dan meningkatkan keupayaan pemikiran kritis dan penyelesaian masalah bagi meningkatkan kesedaran keselamatan jalan raya.

Beliau berharap tanggungjawab mereka sebagai penyelidik dan pendidik dapat diteruskan lagi dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan jalan raya dan merencanakan lagi kempen keselamatan jalan raya di seluruh Malaysia.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.